

KOGILAN A/L MUNIANDY v JESSINTA A/P LURUDUSAMY

CaseAnalysis

[2016] MLJU 590

Kogilan a/l Muniandy v Jessinta a/p Lurudusamy [2016] MLJU 590

Malayan Law Journal Unreported

HIGH COURT (PULAU PINANG)

ABDUL WAHAB BIN MOHAMED PK

PETISYEN PERCERAIAN NO: 33-430-04/2013

12 July 2016

Lalitha Menon (Lalitha Menon & Associates) bagi pihak pempetisyen.

Ho Leng Hong (Lim Kean Leong bersamanya) (Lim, Ho, Cheong & Lok) bagi pihak responden.

Abdul Wahab bin Mohamed PK:

ALASAN PENGHAKIMAN Pengenalan

[1] Ini adalah petisyen perceraian di antara Pempetisyen/Suami dan permohonan untuk nafkah dan jumlah kuantum yang wajar ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) Pempetisyen diberikan kepada Responden sebagai aset perkahwinan.

Ringkasan Fakta Kes

[2] Secara ringkasnya, punca berlakunya perceraian di antara Pempetisyen dan Responden antaranya ialah Pempetisyen dikatakan mempunyai perempuan simpanan bernama Gayathri a/p Nanda Kumar dan Pempetisyen seterusnya telah berkahwin dengan Gayathri selepas beberapa bulan dekri mutlak diperolehi. Manakala Responden dikatakan telah dengan sengaja meninggalkan rumah suami isteri tanpa sebab-sebab yang munasabah.

[3] Memandangkan Pempetisyen dan Responden telah bercerai maka telah dipersetujui oleh Pempetisyen dan Responden isu-isu yang perlu dibicarakan dan diputuskan oleh Mahkamah ini seperti berikut:

- a) Tunggakan nafkah isteri sebanyak RM11,800.00 yang perlu dijelaskan oleh Pempetisyen kepada Responden bagi tempoh Oktober 2010 sehingga Jun 2013;
- b) Nafkah isteri sekaligus sebanyak RM100,000.00;
- c) Satu deklarasikan bahawa KWSP Pempetisyen merupakan aset perkahwinan; dan
- d) Satu deklarasikan bahawa separuh (1/2) bahagian KWSP Pempetisyen dipindahmilik kepada Responden.

Isu-isu untuk diputuskan.

- (a) Sama ada Responden berhak kepada nafkah isteri dan berapa jumlah kuantumnya; dan
- (b) Sama ada KWSP Pempetisyen merupakan aset perkahwinan dan berapa jumlah kuantum yang wajar diberikan kepada Responden.

Hujahan Peguam Pempetisyen

[4]Peguam Pempetisyen berhujah bahawa walaupun Pempetisyen dikatakan mempunyai hubungan intim dengan perempuan bernama Gayathri tetapi Responden gagal membuktikan Pempetisyen telah melakukan zina dengan Gayathri. Responden menuduh Pempetisyen melakukan zina semata-mata untuk membuktikan bahawa disebabkan perlakuan zina Pempetisyen dengan Gayathri tersebut maka Responden telah meninggalkan rumah suami isteri dan Responden tidak menyumbang kepada pecah belah rumah tangga. Kegagalan Responden menjadikan Gayathri sebagai pihak kepada petisyen perceraian ini telah menjejaskan kes Responden dengan membuat rujukan kepada kes *Karen Cheong Yuen v Phua Cheng Chuan* [2004] MLJU 291.

[5]Peguam Pempetisyen juga berhujah bahawa Responden telah gagal mengemukakan bukti Pempetisyen telah melakukan zina dengan Gayathri kerana Responden tidak memplidkan bahawa beliau telah meninggalkan rumah suami isteri disebabkan perlakuan zina oleh Pempetisyen dengan Gayathri. Usaha Responden untuk membawa fakta bahawa Pempetisyen telah berkahwin dengan Gayathri beberapa bulan setelah memperoleh Dekri mutlak tidak boleh dikaitkan dengan perlakuan zina di antara Pempetisyen dan Gayathri kerana Pempetisyen bebas berkahwin semula selepas mendapat dekri mutlak. Memandangkan Responden tidak membawa keterangan bahawa Pempetisyen telah melakukan zina maka Responden gagal membuktikan Pempetisyen telah melakukan zina melampaui keraguan yang munasabah dengan merujuk kepada kes *Lim Nyun Yin v Gan Kim Biow & Ors* [1982] 2 MLJ 68

[6]Berkaitan dengan hak nafkah isteri, Peguam Pempetisyen berhujah bahawa Responden telah meninggalkan rumah suami isteri secara sukarela. Maka adalah menjadi tugas Responden untuk mengemukakan bukti bahawa beliau meninggalkan rumah suami isteri disebabkan tidak sanggup hidup bersama Pempetisyen hasil daripada perbuatan Pempetisyen. Manakala Pempetisyen telah berjaya mengemukakan bukti bahawa Pempetisyen telah menjemput Responden balik ke rumah suami isteri tetapi Responden berdegil untuk tidak menerima pelawaan Pempetisyen.

[7]Peguam Pempetisyen menegaskan bahawa tuntutan nafkah tertunggak sebanyak RM11,800.00 dan nafkah sekaligus sebanyak RM100,000.00 adalah tidak munasabah dan perlu ditolak kerana Responden telah meninggalkan rumah secara sukarela dan enggan kembali ke rumah suami isteri walaupun telah dijemput oleh Pempetisyen. Selain daripada itu, Responden mempunyai pekerjaan dan berpendapatan bersih sebanyak RM1,957.00 sebulan dan mencukupi untuk menanggung perbelanjaan sendiri. Manakala Pempetisyen terpaksa menanggung perbelanjaan diri sendiri dan isteri.

[8]Peguam Pempetisyen juga menegaskan bahawa tuntutan Responden untuk setengah bahagian KWSP Pempetisyen adalah tidak munasabah kerana sumbangan KWSP perlu dibuat oleh kedua- dua pihak di mana suami dan isteri bekerja. Memandangkan dalam konteks tuntutan Responden hanya Pempetisyen seorang sahaja membuat sumbangan KWSP dan tuntutan setengah bahagian KWSP Pempetisyen oleh Responden adalah mengelirukan dan perlu ditolak.

Hujahan Peguam Responden

[9]Peguam Responden berhujah bahawa berkaitan dengan tunggakan nafkah Responden sebanyak RM11,800.00 dan nafkah Responden sekaligus sebanyak RM100,000.00 tidak menjadi isu kerana semasa Responden memberikan keterangan, Responden tidak di soalbalas mengenai fakta ini.

[10]Peguam Responden turut berhujah bahawa prinsip undang-undang bagi nafkah isteri adalah jelas di peruntukan dalam seksyen 77(1) Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 (AMUUPP 1976) dan tanggungjawab Pempetisyen sebagai suami untuk memberi nafkah isteri adalah jelas dinyatakan dalam "common law duty" walaupun isteri bekerja dan mempunyai pendapatan sendiri.

[11]Berkaitan dengan kuantum nafkah isteri, peguam Responden telah berhujah dengan membuat rujukan kepada seksyen 78 AMUUPP 1976 dan meminta kepada Mahkamah untuk membuat pertimbangan kepada kemampuan Pempetisyen, keperluan Responden, tahap kepecahbelahan perkahwinan, tempoh perkahwinan dan fakta isteri bekerja bukanlah kriteria.

[12]Peguam Responden berhujah bahawa adalah menjadi prinsip undang-undang yang mantap KWSP merupakan aset perkahwinan dan seharusnya dibahagikan secara separuh kepada Responden dan KWSP Responden tidak boleh diambil kira kerana Pempetisyen tidak memplidkan KWSP Responden dalam mana-mana pliding Pempetisyen.

Keputusan

[13]Dalam membuat dapatan-dapatan dan keputusan berkaitan dengan petisyen penceraian ini, adalah penting bagi saya untuk meneliti dan membuat analisa kepada fakta, dokumen-dokumen dan keterangan yang telah diberikan oleh Pempetisyen dan Responden semasa perbicaraan. Di antara fakta yang tidak dipertikaikan oleh kedua-dua belah pihak ialah pada 15.5.2014, Mahkamah ini telah memerintahkan perkahwinan Pempetisyen dan Responden dibubarkan dan dikri mutlak berkuatkuasa pada 15.8.2014. Pada 10.9.2014, Pempetisyen telah mendaftarkan perkahwinan dengan Gayathri a/p Nanda Kumar. Sehubungan dengan itu, isu yang dibangkitkan oleh peguam Pempetisyen berkaitan dengan penzinaan di antara Pempetisyen dengan Gayathri yang mana dinafikan sekeras-kerasnya oleh Pempetisyen, pada pendapat saya telah menjadi akademik dan tidak perlu saya membuat dapatan mengenainya.

[14]Walau bagaimanapun, dalam menentukan pemberian nafkah oleh Pempetisyen kepada Responden, saya perlu membuat analisa kepada keterangan yang ada sama ada siapa yang bertanggungjawab terhadap pecah belah rumahtangga dan adakah Pempetisyen masih bertanggungjawab untuk memberikan nafkah kepada Responden.

[15]Dalam keterangan yang dikemukakan, Pempetisyen mengatakan bahawa Responden yang telah meninggalkan rumah suami isteri dalam bulan September 2010 secara sukarela dan Pempetisyen tidak pernah menghalau Responden dari rumah tersebut. Malah Responden telah enggan kembali ke rumah suami isteri walaupun Pempetisyen beberapa kali menjemput Responden. Manakala Responden telah memberi keterangan bahawa Pempetisyen mempunyai hubungan intim dengan seorang perempuan bernama Gayathri dan Pempetisyen pada suatu masa telah bersusah payah dan ambil berat berkaitan dengan anak Gayathri sehingga mengakui beliau sebagai penjaga kepada anak Gayathri. Lebih parah lagi, Pempetisyen pernah menampar Responden apabila Responden cuba bersemuka dengan Gayathri sehingga menyebabkan Pempetisyen membuat laporan polis (Seberang Jaya/008300/10).

[16]Setelah memberi pertimbangan kepada keterangan-keterangan di atas, adalah menjadi dapatan saya bahawa pecah belah rumahtangga di antara Pempetisyen dan Responden dan di atas imbalan keberangkalan adalah lebih berpunca daripada perbuatan Pempetisyen kepada Responden. Keterangan Responden bahawa Pempetisyen mempunyai hubungan sulit dengan Gayathri semasa perkahwinan mereka dikuatkan lagi dengan terbuhtinya Pempetisyen telah berkahwin dengan Gayathri selepas mendapat dikri mutlak. Sekiranya Pempetisyen tidak ada hubungan sulit dengan Gayathri, saya percaya hubungan suami isteri di antara Pempetisyen dan Responden masih boleh diselamatkan.

[17]Dalam keadaan ini saya berpendapat Pempetisyen perlu membayar nafkah kepada Responden dan Pempetisyen dikehendaki membayar nafkah tertunggak dari bulan September 2010 sehingga tarikh keputusan dibuat. Hasil daripada penelitian saya pada keterangan, saya bersetuju dengan hujahan peguam Responden bahawa isu berkaitan dengan tunggakan nafkah isteri yang dipohon oleh Responden tidak disoalbalas oleh peguam Pempetisyen. Prinsip undang-undang adalah jelas menegaskan bahawa sekiranya keterangan saksi yang material tidak disoalbalas maka keterangan saksi tersebut adalah diterima dan diakui seperti yang diputuskan dalam kes *Aik Ming (M) Sdn Bhd & Ors v Chang Ching Chuen & Ors and another appeal* [1995] 2 MLJ 770 (COA) seperti berikut:

“ It is essential that a party's case be expressly put to his opponent's material witnesses when they are under cross-examination. A failure in this respect may be treated as an abandonment of the pleaded case and if a party, in the absence of valid reasons, refrains from doing so, then he may be barred from raising it in argument. It is quite wrong to think that this rule is confined to the trial of criminal causes. It applies with equal force in the trial of civil causes as well.”

[18] Dalam menentukan sama ada saya dibolehkan membuat perintah berkaitan nafkah tertunggak kerana tidak terdapat peruntukan yang jelas berkaitan dengannya dalam AMUUPP 1976, saya merujuk kepada kes *Lee Yu Lan v Lim Thain Chye* [1984] 1 MLJ 56 (HC) di mana Mahkamah pernah membenarkan tuntutan nafkah isteri tertunggak seperti berikut:

“... the Court would not precluded in the absence of an express provision to that effect, from making any order for past maintenance by virtue of Married Women and Children (Maintenance) Act 1950, from an antecedent date of neglect or refusal to maintain.”

[19] Prinsip undang-undang bagi nafkah isteri terdapat adalah diperuntukan dalam seksyen 77(1) AMUUPP 1976 dan taksiran kuantumnya terdapat dengan jelas dalam seksyen 78 AMUUPP 1976.

Rujukan dibuat ke atas keputusan kes *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santosa* [2008] 4 CLJ 105 seperti berikut:

*... . In assessing the **means and needs** of the parties the court has always had regard to the **duration of the marriage**, whether there were any children of the marriage, the age of the parties, whether the husband had financially supported the wife during the duration of their marriage, the parties earning capabilities and whether the divorce would have affected the husband's position financially.*

[20] Dalam menentukan jumlah atau kuantum nafkah isteri kepada Responden maka adalah wajar diberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut:

- (i) Kemampuan Pempetisyen
- (ii) Keperluan Responden;
- (iii) Tahap kepecahbelahan perkahwinan oleh pihak-pihak
- (iv) Tempoh perkahwinan
- (v) Fakta isteri bekerja tidak bermaksud isteri tidak layak kepada nafkah isteri.

[21] Berkaitan dengan kemampuan Pempetisyen dan keperluan Responden, saya dapati Pempetisyen mempunyai pekerjaan yang tetap dan berpendapatan bersih lebih kurang RM7,948.00 dan Responden pula bekerja dengan pendapatan lebih kurang sebanyak RM2,000.00 sebulan. Dari keterangan, jelas menunjukkan Pempetisyen mempunyai tanggungan yang hampir melangsaikan keseluruhan pendapatannya. Saya berpendapat Pempetisyen boleh mengurangkan perbelanjaan bulannya sekiranya beliau lebih berjimat cermat dan mengurangkan perbelanjaan bulannya untuk memberi nafkah kepada Responden. Tambahan lagi, saya telah membuat dapatan seperti di atas di mana Pempetisyen adalah penyebab utama berlakunya pecahbelah rumahtangga di antara Pempetisyen dan Responden lantas Pempetisyen adalah bertanggungjawab untuk beri nafkah kepada Responden. Walaupun Responden bekerja dan mempunyai pendapatan tetap bulanan, ini tidak bererti Pempetisyen boleh melepaskan tanggungjawab beliau dari memberi nafkah kepada Responden dengan membuat rujukan kepada kes *Nguan Chwee Ling v Lim Lai Huat* [1994] 3 CLJ 576 di muka surat 580 telah diputuskan seperti berikut

“... sungguhpun isteri mempunyai pendapatan tetap ini tidak membebaskan suami daripada membayar nafkah”

[22] Pada fahaman saya dari keputusan kes ini, Pempetisyen masih lagi bertanggungjawab untuk memberi nafkah kepada Responden kerana pecahbelah rumah tangga mereka disebabkan sebahagian besarnya oleh Pempetisyen

dan tempoh perkahwinan di antara mereka selama 12 tahun merupakan satu tempoh yang agak lama walaupun Responden mempunyai pekerjaan tetap.

[23] Berkaitan dengan tuntutan Responden untuk tuntutan nafkah isteri secara sekaligus sebanyak RM100,000.00, setelah memberi pertimbangan kepada tanggungan dan komitmen Pempetisyen, saya tidak dapat memenuhi tuntutan ini kerana sukar bagi Pempetisyen untuk berbuat demikian kerana tidak ada bukti beliau mempunyai simpanan wang yang mencukupi.

Kesimpulan

[24] Berdasarkan kepada dapatan-dapatan saya di atas dan dengan mengambil kira jumlah pendapatan bulanan dan tanggungan Pempetisyen serta pendapatan bulanan Responden, adalah diputuskan berkaitan dengan nafkah yang perlu diberikan oleh Pempetisyen kepada Responden seperti berikut:

- (i) Pempetisyen diperintahkan membayar nafkah isteri kepada Responden sebanyak RM500.00 sebulan mulai tarikh petisyen ini difailkan sehingga Responden berkahwin semula; dan
- (ii) Pempetisyen diperintahkan membayar nafkah tertunggak kepada Responden secara sekaligus dari bulan Oktober 2010 sehingga Jun 2013 sebanyak RM11,550.00 dan faedah sebanyak 4% setahun dikira dari perintah dibuat sehingga penyelesaian penuh oleh Pempetisyen.

[25] Dalam menentukan KWSP Pempetisyen merupakan aset matrimonial, saya merujuk kepada prinsip undang-undang yang diputuskan dalam kes *Koay Cheng Eng v Linda Herawati Santosa [supra]* di muka surat 130 perenggan A di mana Hashim Yusoff JCA (pada ketika itu) berkata seperti berikut;

... I am of the same view that EPF contributions are matrimonial assets when acquired during the marriage. ...

dan seterusnya berkata seperti berikut di muka surat yang sama di perenggan H;

“... , I am making an order that the wife be entitled to half of the amount standing to the account of the husband's EPF account as at the time of this divorce and such monies should be paid out to the wife when the same is made payable to the husband.”

[26] Dalam kes di hadapan saya, Responden berkahwin dengan Pempetisyen pada 3.3.2002 dan dikri nisi dijadikan mutlak pada 15.8.2014. Sehubungan dengan itu berdasarkan kepada prinsip undang-undang di atas, Responden adalah berhak kepada separuh daripada KWSP Pempetisyen dalam tempoh yang dinyatakan di atas. Wang simpanan KWSP Pempetisyen dalam tempoh perkahwinan Pempetisyen dengan Responden perlu dibayar kepada Responden apabila wang simpanan KWSP Pempetisyen boleh dikeluarkan oleh Pempetisyen.

[27] Pempetisyen diperintahkan membayar kos sebanyak RM5,000.00 kepada Responden.